

23/10/1998

Belanjawan tidak bebankan rakyat (HL)

Khaidir Abdul Majid

KUALA LUMPUR, Khamis - Belanjawan 1999 yang akan dibentangkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat esok, dijangka mengambil beberapa langkah untuk menggerakkan semula ekonomi negara.

Berikutan strategi untuk mencergaskan semula ekonomi, belanjawan negara dijangka mencatat defisit bagi membiayai program rangsangan ekonomi.

Bagaimanapun, belanjawan itu dijangka tetap tidak akan membebankan rakyat.

Sekalipun kerajaan dijangka kekurangan hasil berikutan kemerosotan prestasi sektor korporat, belanjawan kali ini dijangka memperkenalkan peningkatan cukai yang mungkin membabitkan barangan atau kegiatan tertentu sahaja seperti tembakau, arak dan perjudian.

Peningkatan cukai itu dianggap tidak akan menampung perbelanjaan kerajaan yang menyebabkan defisit belanjawan.

Menurut penganalisis, kedudukan defisit itu, berbanding anggaran lebih RM5 bilion pada 1997, dijangka dibiayai oleh dana dalam negara serta pinjaman luar. Dr Mahathir yang juga Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Pertama dijangka meneruskan dasar kewangan yang sudah dilonggarkan sejak pengumuman langkah kawalan tukaran asing awal bulan lalu, dengan suatu dasar fiskal menjurus kepada langkah menongkah arus kitaran meleset sekarang.

Berikutan itu, ekonomi negara seperti yang sudah diumumkan sebelum ini, dijangka mencatatkan pertumbuhan sekurang-kurangnya satu peratus tahun depan, selepas menguncup 4.8 peratus tahun ini.

Pada suku pertama dan kedua tahun ini, ekonomi negara masing-masing menguncup 2.8 peratus dan 6.8 peratus, yang secara rasmi meletakkan ekonomi negara dalam kedudukan meleset.

Bagaimanapun, sejak itu, ekonomi negara dikatakan sudah mencecah dasar dan mula menunjukkan tanda-tanda pemulihan berikutan kelonggaran dasar kewangan seperti penurunan kadar faedah dan Keperluan Rizab Berkanun (SRR), yang melegakan masyarakat peniaga dan pengguna.

Belanjawan yang akan diumumkan kali ini juga dijangka menjurus kepada usaha merangsang ekonomi.

Menurut penganalisis, Belanjawan 1999 rata-ratanya dijangka belanjawan pengembangan ekonomi dengan insentif untuk pertumbuhan, di samping beberapa langkah untuk menambah hasil kerajaan.

(END)